




KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH

13 OKTOBER 2021

A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 751 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 207,506 kes. Sebanyak enam (6) kes kematian dilaporkan pada hari ini iaitu empat (4) kes di Sandakan manakala Kudat mencatatkan dua (2) kes kematian. Bilangan kematian ini tidak semestinya berlaku dalam tempoh 24 jam ini. Ada kes kematian yang mengambil masa untuk verifikasi dan dilaporkan kemudian daripada tarikh sebenar. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.
- 2 Bilangan pesakit COVID-19 sembuh ialah 1,145 (termasuk yang discaj dari hospital/PKRC) menjadikan jumlah kumulatif 195,018 orang. Manakala 2,338 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 942 orang di hospital, 1,388 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam, lima (5) orang di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara manakala tiga (3) orang di fasiliti swasta. Bilangan pesakit yang memerlukan penjagaan kritikal ialah 132 orang merangkumi 113 di ICU/repurposed kritikal care serta 19 di open ward (HDW/kubikel akut) dan 40 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (ventilated). Manakala bilangan pesakit *stage empat* (4) dan lima (5) yang masih belum lengkap vaksin ialah 177 (52.52%).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Tiada perubahan zon dicatatkan.

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Merah 27 daerah

5 Analisa Harian COVID-19 Negeri Sabah

i. **Kedudukan Kes Positif COVID-19**

- a. Sekali lagi Sabah mencatatkan peningkatan sebanyak (+44) kes menjadikan jumlah kes pada hari ini (751) kes.
- b. Perbandingan antara jumlah daerah yang mencatatkan peningkatan dan penurunan adalah seimbang hari ini dengan masing-masing 13 daerah mencatatkan peningkatan dan penurunan serta satu (1) daerah iaitu Kuala Penyu mengekalkan catatan sebagaimana semalam.
- c. Terdapat lapan (8) daerah yang mencatatkan peningkatan kes yang agak tinggi iaitu Tenom (+32) kes, Sandakan (+28) kes, Kota Kinabalu (+19) kes, Tuaran (+15) kes, Kota Belud (+12) kes, Penampang (+12) kes, Beaufort (+10) kes dan Tambunan (+10) kes.
- d. Antara daerah yang mencatatkan penurunan kes ialah Kudat (-27) kes, Putatan (-20) kes, Tawau (-17) kes, Kota Marudu (-10) kes dan Pitas (-10) kes.
- e. Kuala Penyu telah 2 hari berturut-turut merekodkan sifar (0) kes, yakni tiada kes baharu dicatatkan.
- f. Kes sebenar yang didaftarkan sejak 24 jam lepas hanyalah (507) kes atau 67.51% daripada kumulatif harian dan selebihnya adalah kes-kes yang didaftarkan selepas 2 hari keputusan diketahui.
- g. Daripada jumlah kes jangkitan baru yang direkodkan hari ini, 8.26% adalah daripada Kategori 1 dan 84.42% adalah daripada Kategori 2. Jumlah pesakit Kategori 3 ialah (7) kes, satu (1) kes dalam Kategori 4 dan juga (1) kes dalam Kategori 5. Sebanyak (46) kes masih dalam siasatan lanjut.
- h. Kerajaan Negeri Sabah berpuashati dengan laporan peratus vaksinasi lengkap Negeri Sabah oleh Jawatankuasa COVID-19 Immunisation Task Force (CITF) dengan pencapaian melebihi 70%.

- i. Sehubungan dengan itu, sebagaimana yang telah diumumkan oleh YAB Ketua Menteri, Rentas Daerah adalah dibenarkan mulai 14 Oktober 2021 dan Rentas Negeri dibenarkan bermula 1 November 2021, tertakluk kepada syarat yang telah ditetapkan.
- j. Masyarakat digesa untuk terus mematuhi SOP Kendiri yang telah digariskan agar kawalan jangkitan baharu dapat dibendung sekalipun pelbagai sektor ekonomi dan kemudahan awam dibuka bagi memenuhi keperluan dan kehendak masyarakat.
- k. Seluruh daerah di Negeri Sabah mencatatkan perubahan angka kes positif COVID-19 yang terus meningkat dan dengan jumlah catatan sebanyak (416) kes daripada Saringan Kontak Rapat, dapat disimpulkan masih terdapat kebarangkalian tinggi berlakunya aktiviti ketidakpatuhan SOP yang telah digariskan sungguhpun pelbagai seruan dan saranan telah dilakukan oleh pihak Kerajaan.

ii. Perincian Kes COVID-19 Hari Ini

- a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Bil.	Kategori Saringan	Bilangan Kes	Peratusan
1	Kluster	0	0.00%
2	Bergejala	285	37.95%
3	Kontak	416	55.39%
4	Bersasar	0	0.00%
5	Lain-lain Saringan	50	6.65%
JUMLAH		751	100%

b. Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (12 Oktober 2021) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

Bil.	Daerah	Catatan Kes 12/10/2021	Catatan Kes 13/10/2021	Perbandingan
1	Tenom	17	49	+32
2	Sandakan	30	58	+28
3	Kota Kinabalu	55	74	+19
4	Tuaran	33	48	+15
5	Kota Belud	63	75	+12
6	Penampang	28	40	+12
7	Beaufort	23	34	+11
8	Tambunan	9	19	+10
9	Telupid	12	19	+7
10	Ranau	41	47	+6
11	Beluran	11	17	+6
12	Papar	15	18	+3
13	Lahad Datu	45	46	+1
14	Kuala Penyu	0	0	Mendatar
15	Kudat	52	25	-27
16	Putatan	43	23	-20
17	Tawau	38	21	-17
18	Kota Marudu	37	27	-10
19	Pitas	36	26	-10
20	Keningau	51	45	-6
21	Sipitang	14	8	-6
22	Tongod	9	3	-6
23	Kalabakan	11	6	-5
24	Kunak	7	2	-5
25	Semporna	8	5	-3
26	Kinabatangan	10	8	-2
27	Nabawan	9	8	-1
JUMLAH		707	751	+44

c. Punca mempengaruhi kes positif COVID-19 hari ini mengikut daerah dan kategori kes adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Kategori Kes					Bilangan Kes Baharu	Kes Terkumpul 14 Hari (29 September – 12 Oktober)
	Saringan Kluster	Saringan Kontak	Saringan Bergejala	Saringan Bersasar	Lain-lain Saringan		
Kota Belud	0	38	36	0	1	75	797
Kota Kinabalu	0	35	27	0	12	74	1,169
Sandakan	0	32	22	0	4	58	525
Tenom	0	31	17	0	1	49	518
Tuaran	0	31	17	0	0	48	527
Ranau	0	31	9	0	7	47	744
Lahad Datu	0	26	17	0	3	46	651
Keningau	0	22	20	0	3	45	715
Penampang	0	26	14	0	0	40	399
Beaufort	0	12	21	0	1	34	252
Kota Marudu	0	13	10	0	4	27	572
Pitas	0	14	9	0	3	26	342
Kudat	0	20	4	0	1	25	361
Putatan	0	10	12	0	1	23	266
Tawau	0	4	11	0	6	21	396
Telupid	0	13	6	0	0	19	163
Tambunan	0	16	3	0	0	19	171
Papar	0	9	9	0	0	18	392
Beluran	0	16	1	0	0	17	212
Sipitang	0	2	5	0	1	8	186
Kinabatangan	0	3	5	0	0	8	269
Nabawan	0	6	2	0	0	8	189
Kalabakan	0	5	1	0	0	6	50
Semporna	0	0	4	0	1	5	127
Tongod	0	0	3	0	0	3	139
Kunak	0	1	0	0	1	2	117
Kuala Penyu	0	0	0	0	0	0	54
JUMLAH	0	416	285	0	50	751	10,303

d. Catatan Kes Positif baharu COVID-19 hari ini melalui saringan mengikut daerah dan nama kluster adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Nama Kluster	Jumlah Kes Baharu
Tiada Catatan Kluster		

6 Tiada **kluster baharu** direkodkan hari ini.

7 Jumlah kapasiti katil 6,539 unit

- Hospital 1,959 unit.
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 4,110 unit.
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 442 unit.
- Hospital Swasta 28 Unit

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 35.75%.

B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 13 OKTOBER 2021

i. Tempatan/Import/Tahanan

Import/Tempatan	
Tempatan	740
Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	0
Import B (Jangkitan Luar Sabah)	1
Orang Dalam Tahanan /Banduan	10
Jumlah	751

Import B (Jangkitan Luar Sabah)	
Selangor	1
Jumlah	1

ii. Kewarganegaraan

Kewarganegaraan	
Malaysia	729
Bukan Malaysia	22
Jumlah	751

iii. Status Vaksinasi

Status Vaksinasi	
Belum Layak Vaksin (Bawah 12)	126
Belum Menerima Vaksin	175
Menerima 1 Dos	43
Lengkap 2 Dos	407
Jumlah	751

iv. Umur

Umur (Tahun)	
<1	12
1 to 5	55
6 to 11	59
12 to 17	88
18 to 25	93
26 to 59	371
>60	73
Jumlah	751

C BILANGAN LOKALITI PKPD MENGIKUT DAERAH

BIL	DAERAH	BILANGAN PKPD AKTIF (Setakat 13 Oktober 2021)
1	Ranau	1
	JUMLAH	1

D STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

- 1 Penduduk Sabah yang menerima vaksin pada 12 Oktober 2021 adalah seramai 32,731 orang. Daripada jumlah ini, seramai 11,439 orang adalah penduduk dewasa dan seramai 21,292 orang adalah penduduk remaja.
- 2 Kumulatif penduduk Sabah yang telah menerima vaksin dos 1 setakat 12 Oktober 2021 adalah seramai 2,386,233 orang. Ini meliputi 2,082,143 orang penduduk dewasa bersamaan dengan 75.5% jumlah penduduk dewasa. Manakala bagi penduduk Sabah yang menerima dos lengkap adalah seramai 2,083,451 orang. Daripada jumlah ini, seramai 1,948,871 orang atau 70.7% adalah penduduk dewasa.
- 3 Seramai 304,090 orang atau 71.3% penduduk remaja telah menerima 1 dos vaksin, manakala penduduk remaja yang telah lengkap dos vaksin adalah seramai 134,580 atau 32.0% orang setakat ini.

E BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)

Setakat hari ini, sejumlah **650,402** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

F LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM *INFO ON WHEELS*

- 1 Sejumlah 32 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 21,567 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 16 buah kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 58 hebahan melalui kereta peronda dan tiada tangkapan dibuat.
- 2 Sebanyak sembilan (9) kompaun melanggar SOP COVID-19 telah dikeluarkan seluruh Sabah.
 - Tiga (3) Orang : Individu gagal Mendaftar Masuk Premis
 - Enam (6) Orang : Individu Gagal Memakai Pelitup Muka
- 3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 124 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 27 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan satu (1) tangkapan dibuat di bawah Enakmen Pelabuhan Dan Dermaga Sabah 2002.
- 4 Laporan Pihak Berkuasa Tempatan
 - i Sebanyak 969 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah kawalan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan. Tiada kompaun dan notis/amaran dikeluarkan oleh PBT.
 - ii Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) telah menjalankan pematuhan SOP ke atas 325 premis perniagaan dan 448 individu di 18 kawasan. Dua (2) kompaun dikenakan ke atas individu dengan kesalahan individu gagal mendaftar masuk premis menggunakan aplikasi MySejahtera atau Buku Pendaftaran di Austral Beauty Centre, 88 Marketplace (1 Orang) dan Satay Jawi, Likas Plaza (1 Orang). Satu (1) kompaun dikenakan ke atas premis dengan kesalahan premis gagal menyediakan laluan keluar masuk premis dengan penjarakan 1 meter di Kolombong Fish Head Curry, Likas Plaza.

- 5 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 265 Premis Perniagaan melibatkan 172 anggota APM. Sejumlah enam (6) Notis Amaran dikeluarkan kepada premis perniagaan hari ini.
- 6 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 119 anggota di 162 lokasi.
- 7 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di 19 premis, melibatkan 10 buah BBP pada hari ini.
- 8 Sejumlah 127 hebahan awam di bawah program *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di sembilan (9) daerah pada hari ini.
- 9 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 377 hebahan di seluruh Sabah.

G KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 2

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP Pelan Pemulihan Negara Fasa 2 pada hari ini ialah **97.6%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Sipitang	98%
2	Kunak	98%
3	Beluran	98%
4	Beaufort	98%
5	Tuaran	98%
6	Papar	97.5%
7	Semporna	97.5%
8	Kota Belud	97.5%
9	Penampang	97.5%
10	Lahad Datu	97.5%
11	Tawau	97.5%
12	Sandakan	97.5%
13	Tenom	97.5%
14	Ranau	97.5%
15	Kota Marudu	97%
16	Kota Kinabalu	97%
17	Keningau	97%
18	Kinabatangan	97%
19	Kudat	97%

- 2 Semangat perpaduan dan kesatuan rakyat merupakan kunci utama untuk keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

Sekian.

#SabahMajuJaya

#MalaysiaPrihatin

#LindungDiriLindungSemua

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II**